



**PERTUBUHAN
FITRAH
UMMAH**



SOALAN & JAWAPAN
IBADAH
AQIQAH

Ebook ini dibawa khas oleh :

www.fitrahummah.com

“TOGETHER WE SHARE”

[**www.fitrahummah.com**](http://www.fitrahummah.com)



BAHAGIAN 1

PENJELASAN & HUKUM

1

Apakah itu Ibadah Aqiqah?

J

Ibadah Aqiqah ialah Ibadah sembelihan haiwan ternakan (kambing) yang disembelih pada hari ke-7 selepas kelahiran bayi. Sekiranya terlepas melaksanakannya pada hari ke-7, maka boleh juga disembelih pada hari ke-14. Jika tidak sempat juga, boleh dilaksanakan pada hari ke-21.

Hal ini berdasarkan pendapat Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari dalam kitab karangannya Sabil Al-Muhtadin.

2

Apakah hukum melaksanakan Ibadah Aqiqah?

J

Hukum melaksanakan Ibadah Aqiqah ialah SUNAT MU'AKKAD iaitu ibadah sunat yang sangat dituntut melakukannya berdasarkan pendapat yang kuat dalam Mazhab As-Syafie.

3

Apakah hukum jika ibubapa tidak melaksanakan Ibadah Aqiqah selepas mendapat anak?

J

Hukum tidak melaksanakan Ibadah Aqiqah adalah MAKRUH. Jika ditinggalkan Ibadah Aqiqah itu kerana tidak mampu maka tidak haram mahupun makruh.

Namun adalah satu kerugian besar sebagai hamba Allah SWT yang dikurniakan zuriat kepadanya tetapi tidak menzahirkan rasa syukur dengan beraqiqah sedangkan berapa ramai pasangan diluar sana menginginkan cahaya mata.



BAHAGIAN 1

PENJELASAN & HUKUM

4

Kenapa kita perlu melaksanakan Ibadah Aqiqah?

J

Ini kerana Ibadah Aqiqah merupakan suatu tanggungjawab kepada ibubapa untuk menunaikan hak terhadap anak yang dilahirkannya.

5

Siapakah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Ibadah Aqiqah?

J

Ibadah Aqiqah adalah tanggungjawab wali iaitu ibubapa kepada anak tersebut. Jika sekiranya ibubapa telah meninggal dunia sebelum sempat mengaqiqahkan anaknya maka datuk, bapa saudara atau penjaga anak tersebut bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

6

Bolehkah orang lain boleh mengaqiqahkan anak selain dari ibubapanya?

J

Boleh. Sekiranya ibubapa kepada anak tersebut kurang berkemampuan atau tidak mampu untuk melakukannya atas sebab-sebab tertentu maka pihak lain boleh mengaqiqahkan anaknya tetapi ia mestilah dimaklumkan kepada ibubapanya.



BAHAGIAN 1

PENJELASAN & HUKUM

7

Bolehkah melaksanakan Ibadah Aqiqah untuk diri sendiri setelah dewasa?

J

Hukumnya Harus apabila dalam keadaan ia berkemampuan (sudah mempunyai pendapatan sendiri).

8

Apakah hikmah dan kelebihan ibadah aqiqah?

J

Ada 8 hikmah dan kelebihan Ibadah Aqiqah iaitu :

Menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT sempena kelahiran bayi.

Menghebahkan berita tentang kelahiran anak supaya tidak timbul prasangka.

Mensyukuri nikmat mendapat zuriat daripada darah daging sendiri.

Menghindari bayi daripada terkena penyakit.

Menghindari anak daripada gangguan syaitan.

Mampu menyokong tumbesaran dan kecerdasan minda anak-anak.

Menghidupkan sunnah Nabi Muhammad SAW ketika menyambut kelahiran bayi.

Menghindari amalan bida'ah seperti amalan yang tidak bertepatan dengan sunnah Nabi SAW.



BAHAGIAN 1

PENJELASAN & HUKUM

9

Apakah nisbah haiwan bagi Ibadah Aqiqah untuk anak lelaki dan perempuan?

J

Sunat menyembelih haiwan Ibadah Aqiqah dengan kambing dengan nisbah seperti berikut:



Anak lelaki aqiqahnya dengan 2 ekor kambing.



Anak perempuan aqiqahnya dengan 1 ekor kambing.

10

Bolehkah saya melaksanakan Ibadah Aqiqah untuk anak lelaki saya hanya dengan seekor kambing sahaja kemudian seekor lagi saya akan sempurnakannya pada masa yang lain?

J

Boleh, tidak semestinya 2 ekor kambing dibuat dalam satu masa. Allah SWT tidak membebankan hambanya dengan ujian mengikut kadar kemampuan. Akan tetapi, jika sudah berkemampuan, hendaklah disempurnakan sembelihan Aqiqah tersebut pada masa yang lain.



BAHAGIAN 1

PENJELASAN & HUKUM

11

Bolehkah melaksanakan Ibadah Aqiqah lebih dari 2 ekor kambing untuk anak lelaki dan lebih dari seekor untuk anak perempuan?

J

Boleh. Namun sunnahnya adalah mengikut saranan Nabi Muhammad SAW iaitu 2 ekor kambing.

12

Apakah dalil pelaksanaan Ibadah Aqiqah?

J

Ibadah Aqiqah sunat dilakukan pada hari ketujuh kelahiran bayi tersebut disamping memberikan nama yang baik dan juga mencukur rambut bayi tersebut.

Berdasarkan sabda Baginda SAW daripada Samurah RA: Maksudnya :

"Bayi itu tertebus dengan Aqiqahnya. Disembelih haiwan Aqiqah pada hari yang ketujuh kelahirannya, diberikan nama dan dicukur rambutnya".

Riwayat Abu Daud (1522)

Ibnu Majah menerangkan maksud "...terpelihara dengan Aqiqahnya." pada mafhum hadis di atas adalah bahawa Aqiqah itu sebagai sebab yang akan melepaskan anak dari gangguan syaitan yang cuba menghalang anak tersebut daripada melakukan kebaikan.

Menurut Imam Ahmad Bin Hambal bahawa apabila seseorang anak itu meninggal dunia dalam keadaan belum diaqiqahkan lagi maka anak itu tidak dapat mensyafaatkan kedua ibubapanya di akhirat kelak.



BAHAGIAN 1

PENJELASAN & HUKUM

13

Anak saya meninggal dunia dalam kandungan atau meninggal dunia sebelum sempat hari ke-7 kelahiran. Perlukah saya melaksanakan Ibadah Aqiqah untuknya?

J

Harus melaksanakan Ibadah Aqiqah untuk bayi yang telah meninggal dunia sama ada ia meninggal dalam kandungan (setelah melebihi tempoh 4 bulan) atau ia meninggal dunia sebelum sempat hidup pada hari ke-7 kelahiran, sebagai tanda syukur dikurniakan kesempatan memiliki zuriat walaupun hayatnya tidak panjang. Hukum melaksanakannya harus, tidak disunatkan sepertimana tuntutan sunat mu'akkad ke atas pelaksanaan Ibadah Aqiqah pada hari ke-7 kelahiran bayi.

14

Haiwan Aqiqah adakah jantan atau betina?

J

Kedua-duanya boleh. Cuma kebiasaanya, kami akan menyembelih Ibadah Aqiqah dengan kambing jantan. Tambahan: Jantina haiwan bukanlah menjadi syarat samada Aqiqah itu sah atau tidak.

15

Berapa berat haiwan Aqiqah? Berapa had umur haiwan sembelihan Aqiqah?

J

Saiz haiwan kambing mengikuti piawaian & syarat haiwan yang boleh diaqiqahkan iaitu:



- Cukup usia bagi kambing ialah berumur 2 tahun.
- Kambing biri-biri berusia 8 bulan hingga setahun@sudah bersalin gigi.
- Tidak cacat & tidak berpenyakit



BAHAGIAN 2

PENGURUSAN PERTUBUHAN FITRAH UMMAH (PFU)

16

Bagaimana daging Ibadah Aqiqah diuruskan? Adakah daging Ibadah Aqiqah dimasak atau diagih mentah?

J

Daging Aqiqah sunat dimasak. Berbeza dengan Ibadah Qurban yang mana dagingnya diagihkan secara mentah. Bagi pengurusan Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU), tidak semua daging aqiqah tersebut dimasak, ada negara yang diagih secara mentah kepada penduduk tempatan supaya lebih ramai menerima agihan daging tersebut, malah mereka yang menerimanya boleh menyimpan daging untuk dimasak pada waktu lain.

17

Bolehkah melaksanakan Ibadah Aqiqah dengan bahagian lembu? Adakah PFU melaksanakan Ibadah Aqiqah dengan bahagian lembu?

J

Tiada dalil yang melarang untuk melaksanakan Ibadah Aqiqah dengan bahagian lembu. Oleh yang demikian, PFU membuka pelaksanaan Ibadah Aqiqah dengan bahagian lembu.

18

Di manakah tempat pelaksanaan Ibadah Aqiqah yang diuruskan oleh PFU ?

J

Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) melaksanakan Ibadah Aqiqah di Malaysia dan di luar negara seperti di Bangladesh, Indonesia, dan Tanah Suci Mekah. Bagi pelaksanaan di Malaysia, sembelihan Ibadah Aqiqah dilaksanakan di Rantau Panjang, Klang, Selangor.



BAHAGIAN 2

PENGURUSAN PERTUBUHAN FITRAH UMMAH (PFU)

19

Bolehkah peserta memilih tempat pelaksanaan Ibadah Aqiqah (PFU)?

J

Bermula tahun 2021, PFU telah menambahbaik sistem pendaftaran dimana peserta boleh memilih lokasi pelaksanaan Ibadah Aqiqah dengan syarat, pemilihan boleh dibuat selagi kuota pada sesebuah negara masih ada lagi.

20

Jika boleh buat Ibadah Aqiqah di Malaysia, kenapa kena buat juga di luar negara?

J

Kami memberi peluang kepada para peserta untuk membuat pilihan dalam melaksanakan Ibadah Aqiqah samada di Malaysia ataupun di luar negara dengan harga perkhidmatan yang mampu milik. Kami ingin menggalakkan umat islam di Malaysia agar tidak terlepas daripada menyertai Ibadah Aqiqah.

21

Mengapa harga Ibadah Aqiqah di luar negara lebih murah?

J

PFU mendapat harga kambing yang lebih murah di luar negara maka atas sebab itulah kami dapat menawarkan harga yang lebih murah. Berbanding dengan harga di Malaysia, harga kambing agak tinggi.



BAHAGIAN 2

PENGURUSAN PERTUBUHAN FITRAH UMMAH (PFU)

22

Apakah PFU melantik Sukarelawan untuk mempromosikan program yang dijalankan?

J

PFU sememangnya melantik Sukarelawan untuk melakukan promosi bagi mengajak orang ramai melaksanakan Ibadah Aqiqah. Semua Sukarelawan adalah dikalangan mereka yang kami percaya dan amanah dalam membantu PFU menjalankan program.

23

Adakah sempurna akad penyertaan melalui website PFU sahaja?

J

Ya, sempurna akad Ibadah Aqiqah tersebut. Transaksi yang berlaku ialah ijab dan qabul iaitu persetujuan antara peserta dan urusetia samada secara lafaz ataupun melalui tulisan sah disisi syara'.

24

Bagaimanakah cara saya hendak mengemaskini data atau buat perubahan setelah selesai proses pendaftaran di website PFU?

J

Sebarang perubahan pada penyertaan di website perlu dimaklumkan terus pada pihak urusetia atau Sukarelawan PFU dalam tempoh kurang 24 jam.

Andai peserta lambat memaklumkan dan ia melebihi tempoh 24 jam, maka PFU perlu mengambil masa (3) tiga hari bekerja untuk memproses kemaskini. Andaikata melibatkan kes rumit, PFU akan mengambil masa agak lama.



BAHAGIAN 2

PENGURUSAN PERTUBUHAN FITRAH UMMAH (PFU)

25

**Bilakah PFU akan melaksanakan Ibadah Aqiqah?
Bilakah peserta akan dapat Sijil Aqiqah?**

J

Selepas pendaftaran dibuat, pelaksanaan Ibadah Aqiqah akan dilakukan mengikut tarikh permintaan peserta. Pihak PFU akan menghantar laporan bergambar dan video setelah proses penyembelihan selesai dilaksanakan. Sijil laporan akan diberikan setelah laporan diterima dalam tempoh 30 hari waktu bekerja. PFU juga menghadihkan kepada peserta Ibadah Aqiqah, Sijil kayu eksklusif dan keychain nama anak.

26

**Bagaimanakah caranya kami ingin tahu
bahawa PFU boleh dipercayai?**

J

Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) berpengalaman selama 5 tahun menguruskan pelaksanaan Ibadah Qurban, Aqiqah dan Waqaf di luar negara. Selain itu, kami juga akan pergi ke negara-negara pelaksanaan bagi memantau segala proses sembelihan, agihan dan sumbangan yang mana mereka juga turut menyertai kami ke sana untuk melihat sendiri proses yang kami lakukan. Kepercayaan dan hubungan baik dengan wakil kami telah lama kami jalinkan. Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) memantau pelaksanaan Ibadah Aqiqah dengan kaedah laporan-laporan berbentuk gambar proses persediaan dan penyembelihan.

27

**Adakah kami akan memperolehi laporan bagi
perlaksanaan Ibadah Aqiqah di Mekah?**

J

Buat masa ini, kami akan memberikan laporan dalam bentuk gambar serta video kepada semua peserta Aqiqah kami sebagai bukti perlaksanaan telah dibuat. Itu sebagai satu cara kami meyakinkan peserta bahawa Ibadah Aqiqah ini telah selesai disempurnakan.



BAHAGIAN 2

PENGURUSAN PERTUBUHAN FITRAH UMMAH (PFU)

28

Sekiranya saya melaksanakan Ibadah Aqiqah di Malaysia, adakah saya boleh mendapatkan daging kambing Aqiqah tersebut untuk jamuan di rumah saya?

J

Kami membuat sembelihan Ibadah Aqiqah di lokasi Rantau Panjang, Klang, Selangor. Sekiranya peserta tinggal berhampiran dengan lokasi tersebut maka tiada masalah untuk kami hantarkan daging Aqiqah ke rumah anda. Cuma kos bagi penghantaran, masakan perlulah ditanggung oleh peserta sendiri. Dari pihak Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU), kami akan melakukan sembelihan, melapah dan memotong sahaja.

29

Adakah peserta boleh meminta perlaksanaan Ibadah Aqiqah pada tarikh tertentu?

J

Ya boleh, kami memang memberi peluang kepada peserta untuk memilih tarikh pelaksanaan Ibadah Aqiqah mereka. Peserta boleh memilih tarikh menerusi borang online di website kami.

Kami akan sedaya upaya melaksanakan pada tarikh yang diminta. Sekiranya berlaku masalah yang tidak boleh dielakkan, barulah kami berbincang semula dengan peserta untuk perlaksanaan pada tarikh yang lain.



BAHAGIAN 2

PENGURUSAN PERTUBUHAN FITRAH UMMAH (PFU)

30

Perlaksanaan Ibadah Aqiqah untuk anak lelaki paling afdol dengan dua ekor kambing, boleh ke saya nak buat seekor dulu di luar negara. Tahun depan jika ada rezeki lebih, saya buat seekor kambing lagi di Malaysia. Boleh ke?

J

In shaa Allah boleh. Yang penting laksanakan dahulu seekor kambing Ibadah Aqiqah untuk anak lelaki. Selesai tanggungjawab kita sebagai ibubapa dan sah. Apabila kita ada rezeki lebih kelak, laksanakan Ibadah Aqiqah dengan seekor kambing bagi mencukupkan nisbah Ibadah Aqiqah sebanyak dua ekor kambing yang terbaik bagi anak lelaki.



SOALAN & JAWAPAN
**IBADAH
AQIQAH**

**SEMOGA INFO YANG DISEDIAKAN
BERMANFAAT UNTUK SEMUA**

Sekiranya ada ada sebarang soalan berkaitan
ibadah aqiqah, boleh terus berhubung dengan kami.

018 2929 006

“TOGETHER WE SHARE”

www.fitrahummah.com